

# *Mencari Ibnu Sina di Zaman Kini*

Oleh: Dr Suhazeli Abdullah  
Timbalan Presiden PAPISMA 06/08  
[www.papisma.org](http://www.papisma.org)

Saya terfikir sejenak apabila ada sahabat yang bertanyakan mengenai perubatan Islam. Saya mungkin terawangan untuk memberikan jawapan yang lunak untuk soalan seumpama itu. Ucapan utama Tuan guru Hj Abdul Hadi Awang, sempena Konferen Saintifik PPIM di Primula, semasa itu sebagai menteri besar Terengganu masih terngian-ngian di telinga saya. Tuan guru memulakan mukadimahnyanya dengan mengingatkan kembali akan sabdaan Nabi SAW:

***"Sesungguhnya alhikmah (kepakaran dlm sesuatu bidang) itu adalah sesuatu yang tercicir dari kaum muslimin"***

Setiap dari kita mempunyai keparakarannya tersendiri. Sejak hari pertama kita menceburkan diri dalam bidang perubatan samada sebagai doktor, ahli farmasi, doktor gigi, juru teknologi makmal, optometris atau sealiran dengannya adalah pakar. Pendek kata, profesionalisma kita adalah sudah menjadi pakar dalam disiplin perubatan. Alhikmah itu sebenarnya telah dirintis oleh ulama-ulama yang terkenal yang kita selalu bangga-banggakan.

Siapa tak kenal Alzahrawi (930-1013 M)? Beliau adalah pakar dalam ilmu pembedahan. Beliau telah mencipta lebih dari 200 alat pembedahan. Ilmu dan teknologi yang dicipta Al-Zahrawi telah mendahului 600 tahun lebih awal dari perubatan Barat. Malah kitab perubatan Al Tasrif sebanyak 30 jilid adalah buku rujukan utama di barat. Al Tasrif juga telah menjadi ensiklopedia perubatan di Eropah yang membincangkan ilmu pembedahan, perubatan, orthopaedik, oftalmologi, farmakologi, pemakanan dan pelbagai lagi. Mereka telah menceduk semua hasil Al-Zahrawi dan mendakwa semuanya hak mereka. Inilah alhikmah yang telah tercicir dari kaum muslimin sejak 1000 tahun yang lalu.

Sepertimana nama Papisma, idola kita adalah Ibnu Sina. Saya tak pasti sejauh mana ahli Papisma sendiri mengenali Ibnu Sina? Kalau kita gah dengan nama itu, tetapi tidak tahu siapa dan apakah jasa beliau...., amat begitu malang sekali. Avicenna (980-1037 M) adalah nama timangan barat amat terkenal sebagai guru perubatan. Mereka telah mengubah nama ini supaya nampak kebaratan dan mendakwa ilmu perubatan yang dipelopori oleh Ibnu Sina berasal dari Eropah. Avicenna digelar juga sebagai '**Prince of Physician**'. Barat mengiktiraf beliau sebagai '**One of the greatest names in the history of medicine**'. Sejarah telah membuktikan bahawa Ibnu Sina telah mengarang sebanyak 450 buah buku selama hidup beliau. Ini bermakna 7 buah buku setahun. Dimanakah kita?

Kitab perubatannya yang mahsyur ialah kitab al-Shifa dan al-Qanun fil-al-Tib. Gerard telah menterjemahkan al-Qanun ke bahasa Latin pada pertengahan

kurun ke 12 M. Al-Qanun dianggap sebagai sebuah ensiklopedia perubatan yang lengkap. Ia menjadi sumber rujukan terkemuka di Eropah dalam sains perubatan dari kurun 12 M hingga 17 M dan dikatakan memberi pengaruh besar terhadap kerja-kerja Leonardo da Vinci. Dr William Osle pula menyifatkan Qanun sebagai buku paling lengkap mengenai ilmu perubatan yang paling lama kekal menjadi rujukan terulung dengan kata-katanya ***'a medical bible for a longer period than any otherwork'***.

Ramai lagi tokoh perubatan Islam zaman kegemilangan yang kita banggakan seperti

- Jabir Ibn Haiyan (721-776 M) sebagai pakar kimia.
- Yaqub Ibni Ishaq Al-Kindi (800-873 M), pakar dalam pelbagai ilmu sains seperti Astronomi, Arithmetik, Fizik, falsafah, Geometri, Ilmu mantiq, Muzik, Perubatan dan Psikologi.
- Ali Bin Rabban Al-Tabari (Abu Al-Hassan Ali Bin Sahl Rabban Al-Tabari (838-870 M), sebagai pakar perubatan terulung dizaman itu. Kitab beliau yang terkemuka seluruh dunia perubatan-'Firdaus Al-Hikmat', Ensiklopedia perubatan pertama di dunia.
- Abu Bakar Mohammad Ibn Zakariya Al-Razi (864-930 M), telah mengarang 200 kitab perubatan yang masyhur setanding dengan Ibnu Sina.

Kita hanya boleh berbangga dengan tokoh-tokoh itu. Di zaman kini belum muncul lagi dikalangan sahabat kita yang kita boleh banggakan setidak-tidaknya menerajui kemelut isu perubatan kotemporari masa kini. Kita hanya mampu berpeluk tubuh dan mengatakan kita sudah berada di *'comfort zone'*. Usaha yang kita lakukan hanya terlalu sedikit dan selalu mahu menuduh orang lain juga tidak berusaha seperti kita.